

UNTUK SIARAN SEGERA



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KENYATAAN MEDIA

**KPM TANGANI SEGERA ISU BERBANGKIT DI SK BALABAN JAYA,
PASTIKAN ASPEK KESELAMATAN DAN KESEJAHTERAAN
DIBERI PERHATIAN**

Kementerian Pendidikan (KPM) prihatin terhadap isu akses pendidikan dan keselamatan yang berbangkit di SK Balaban Jaya, Beluran, Sabah.

Isu ini berpunca daripada kerosakan pada sebahagian infrastruktur yang diakibatkan oleh pergerakan tanah dan cerun, menjadikan sekolah tidak berada dalam keadaan selamat.

Beberapa sesi libat urus (SLU) telah dilaksanakan oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sabah bersama-sama dengan pihak berkepentingan termasuk ibu bapa dan masyarakat setempat bagi mencari jalan penyelesaian.

Tindakan segera yang akan diambil termasuk memindahkan sementara murid ke SK Pekan Beluran dan menyediakan pengangkutan untuk membawa murid ke sekolah berkenaan. Langkah ini bagi memastikan pembelajaran murid tidak terjejas dan ibu bapa tidak terbeban.

Kerja naik taraf di SK Sungai Nangka juga akan dilaksanakan segera bagi memenuhi keperluan penyuraian murid sementara menunggu pembinaan baharu SK Balaban Jaya.

KPM bertanggungjawab penuh memastikan keperluan pendidikan untuk semua murid terjejas di SK Balaban Jaya terpelihara serta pada masa sama aspek keselamatan dan kesejahteraan seluruh warga sekolah diberi perhatian.

TAMAT

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
11 APRIL 2026**